

# Sokongan DAP kepada Dr Mahathir berasas

Kewibawaan, pengalaman dan jasa bekas PM itu jadi faktor dipilih mewakili PH Plus

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM



SYED AGIL



RONNIE LIU

**S**okongan DAP kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri bukan dibuat secara semberono sebaliknya berdasarkan kepada jasa dan pengalaman bekas Perdana Menteri itu sendiri.

Penganalisis politik, Dr Syed Agil Alsagoff berpandangan bahawa DAP bertegas dengan pencalonan Dr Mahathir kerana kewibawaan ahli Parlimen Langkawi itu mengatasi Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Syed Agil, keputusan itu juga secara tidak langsung menjadi bukti DAP mengiktiraf jasa-jasa Dr Mahathir yang memegang jawatan sebagai Perdana Menteri sewaktu Pakatan Harapan (PH) memerintah sebelum ini.

“Bekas Perdana Menteri (PM) itu juga telah membuktikan bahawa kerajaan PH di bawah pimpinannya dahulu telah dapat memerangi isu rasuah yang berlaku dalam kalangan pemimpin-pemimpin politik dan tokoh korporat. Di samping itu, beliau turut mengembalikan kebebasan demokrasi dan kebebasan bersuara dalam kalangan rakyat terutamanya dari segi pendemokrasian bermaklumat,” katanya yang juga merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Dalam pada itu, Syed Agil berkata, kelantangan bekas Perdana Menteri itu juga mungkin menjadi antara faktor DAP memilihnya bagi mewakili pihak pembangkang yang kini dikenali dengan nama PH Plus.

Di samping itu katanya, pelan pemulihan ekonomi negara ketika di bawah pimpinan Dr Mahathir masih disenangi dan dikagumi PH terutama

kerana pembahagian ekonomi secara menyeluruh untuk semua kaum dan ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Media sebelum ini melaporkan Setiausaha Organisasi DAP, Loke Siew Fook menggesa PKR menyokong Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri kerana komponen PH lain sudah bersetuju.

Berikutan itu, ada dalam kalangan penganalisis politik memberi amaran sokongan DAP kepada Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri boleh menjejaskan sokongan penyokong parti itu atau bukan Melayu terhadap DAP pada pilihan raya umum akan datang.

Perkara itu turut diakui Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP, Ronnie Liu yang secara peribadi memberi bayangan akan berlaku kemerosotan undi bukan Melayu terhadap PH jika Dr Mahathir menjadi calon PH.

“Ini pendapat peribadi saya dan bukan pandangan parti (DAP), saya melihat undi bukan Melayu sudah kembali kepada PH selepas berlaku ‘rampasan’ kuasa daripada kerajaan sekarang.

“Jika Dr Mahathir dinamakan sebagai calon Perdana Menteri untuk PH maka saya rasa undi bukan Melayu untuk PH tentu akan merosot sekali lagi,” katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* semalam.

Bagi Ronnie, Anwar merupakan calon paling sesuai untuk PH berbanding Dr Mahathir kerana hanya Anwar masih menjadi harapan rakyat.

Ronnie yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Selangor berpendapat, DAP, PKR dan Parti Amanah Negara (Amanah) tidak akan berpecah kerana isu pencalonan Perdana Menteri.